

Kerajaan Bentuk Kumpulan Berdasarkan Industri Perangi Rasuah - Paul Low Bernama
5 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan membentuk satu kumpulan berdasarkan industri untuk memerangi rasuah, dengan sektor pembinaan menjadi perintis pertama disebabkan ia lebih terdedah kepada isu rasuah.

"Kumpulan itu sudah dibentuk tetapi ia belum beroperasi," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan.

Katanya, setiap kumpulan akan berasaskan industri spesifik memandangkan kerajaan perlu memahami secara mendalam industri berkenaan, dan beliau menambah, kumpulan kedua akan dibentuk untuk sektor farmaseutikal dan peranti perubatan.

"Seterusnya, kami juga memerlukan mereka yang terlibat wujud sebagai satu kumpulan iaitu sebagai pengawal selia dan peserta (mereka yang berada dalam perniagaan)," katanya kepada media pada majlis penutupan Sidang Kemuncak Tadbir Urus Korporat Keenam di ibu negara, Rabu.

Low berkata mereka yang terlibat akan dipanggil menandatangani perjanjian antirasuah, untuk mengisytiharkan bahawa mereka tidak akan membayar atau menerima rasuah dalam apa jua keadaan.

Perjanjian yang sama memerlukan setiap syarikat mengambil bahagian dalam latihan dan melengkapkan pegawai masing-masing mengenai isu berkaitan kod tingkah laku dan etika perniagaan yang baik, katanya.

Low juga menyuarakan harapan supaya Indeks Persepsi Rasuah Negara dapat ditingkatkan kepada 60 hingga 70 peratus berbanding 50 peratus pada masa ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019567>